

JAWAPAN PRAKTIS EKSTRA

Bab 1

1. (a) (i) Hasil galian seperti bijih timah / emas / perak.
(ii) Hasil hutan seperti kayu-kayan / kapur barus / rotan / damar / getah jelutung / kayu gaharu / kayu cendana.
(iii) Hasil laut seperti sirip ikan yu / timun laut / rumpai laut / mutiara.
- (b) (i) Menghasilkan kraf tangan yang indah daripada sumber alam.
(ii) Menganyam tikar / bakul daripada daun mengkuang / daun pandan / daun nipah buluh.
(iii) Membuat perahu / perabot daripada rotan.
(iv) Menempa alat senjata tradisional.
- (v) Masyarakat Sarawak menenun kain pua / menyulam selendang.
- (c) (i) Tidak menyalahgunakan kekayaan tanah air.
(ii) Memajukan ekonomi negara.
(iii) Menentang segala bentuk rasuah / penyalahgunaan kuasa.
(iv) Memastikan kemakmuran negara dapat dinikmati bersama.

(Mana-mana jawapan yang munasabah)

Bab 2

1. (a) (i) Tempat persinggahan bagi pedagang-pedagang Lingga yang datang berdagang di Kedah.
(ii) Pelabuhan dagang bagi daerah serantau khususnya dengan Aceh di Sumatera.
(iii) Batu Uban sering dikunjungi oleh pedagang Arab.
(iv) Sultan Kedah menganugerahkan kawasan Batu Uban sebagai membalas jasa orang Sumatera membantu Kesultanan Kedah menentang Siam.
- (b) (i) Menjadikan Pulau Pinang pusat pengumpulan barang untuk berdagang dengan China.
(ii) Menjadikan Pulau Pinang pelabuhan persinggahan sementara menunggu peralihan angin monsun.
(iii) Menjadikan Pulau Pinang sebagai pangkalan tentera bagi mempertahankan petempatan mereka di India daripada ancaman tentera Perancis.
- (c) (i) Menggalakkan perdagangan antarabangsa.
(ii) Mengenaikan cukai kepada kapal yang melalui Pulau Pinang.
(iii) Mempromosikan perdagangan hasil tempatan.
(iv) Menggalakkan kedatangan pedagang luar.

(Mana-mana jawapan yang munasabah)

Bab 3

1. (a) (i) Perak menjadi pelabuhan utama yang dikunjungi pedagang Portugis untuk mendapatkan bijih timah.
(ii) Kekayaan bijih timah menyebabkan Aceh meletakkan Perak sebagai negeri naungannya.

(iii) Perak menggunakan bijih timah sebagai bahan bernilai untuk mendapatkan perlindungan Portugis di Melaka bagi membebaskan Perak daripada naungan Aceh.

- (b) (i) Perlombongan emas dilakukan di Hulu Pahang / di sekitar Sungai Tembeling, Sungai Jelai dan Sungai Semantan.
(ii) Emas dilombong di Raub / Tui / Tersang / Selinsing / Penjom / Kechau / Hulu Dong.
(iii) Pada abad ke-16 dan ke-17, perlombongan emas dijalankan oleh orang Melayu, Orang Asli dan orang Minangkabau.
(iv) Pada peringkat awal pelombong menggunakan kaedah mendulang / melampun.
- (c) (i) Memberikan penekanan kepada subjek keusahawanan di sekolah.
(ii) Mendedahkan golongan belia kepada peluang perdagangan.
(iii) Menggalakkan kajian / penyelidikan dalam bidang keusahawanan.
(iv) Mengadakan kempen kesedaran.

(Mana-mana jawapan yang munasabah)

Bab 4

1. (a) (i) Sultan Muhammad II (1839 – 1886) membentuk Sistem Jemaah Menteri.
(ii) Pemerintahan sultan dibantu oleh para pembesar.
(iii) Dalam pentadbiran wilayah, negeri Kelantan dibahagikan kepada jajahan.
(iv) Di peringkat paling bawah, pentadbiran dijalankan oleh Tok Kweng.
(v) Tok Kweng dibantu oleh imam.
- (b) (i) Pembesar berperanan sebagai penasihat sultan.
(ii) Pembesar membantu dalam pentadbiran wilayah dan daerah.
(iii) Sistem penghulu diperkemaskan pada zaman pemerintahan Sultan Omar (1839-1876).
(iv) Diwujudkan jawatan pembesar bergelar Dato' Mata-mata yang ditugaskan untuk menyambut kedatangan pelawat atau orang kenamaan Terengganu.
(v) Terdapat sistem Jemaah Mesyuarat Kerajaan untuk memutuskan sesuatu hukuman atau pengisytiharan negeri.
- (c) (i) Sultan melambangkan perpaduan rakyat.
(ii) Sistem kesultanan warisan bangsa.
(iii) Menjamin kedaulatan bangsa / negara.
(iv) Pemerintahan yang bersistematik.

(Mana-mana jawapan yang munasabah)

Bab 5

1. (a) (i) Pentadbiran Pengiran Indera Mahkota menimbulkan perbalahan dengan pembesar tempatan kerana mengenakan cukai yang tinggi dan kerahan tenaga.

- (ii) Sultan Omar Ali Saifuddin II menghantar Pengiran Raja Muda Hashim ke Sarawak untuk menamatkan penentangan.
 - (iii) Pengiran Raja Muda Hashim meminta bantuan James Brooke.
 - (b) (i) Mendapatkan bantuan dan sokongan daripada tentera laut British.
 - (ii) Menentang kebangkitan orang tempatan / orang Iban.
 - (iii) Memperoleh sokongan sebahagian masyarakat tempatan.
 - (iv) Mengambil kesempatan daripada pertelingkahan yang wujud dalam masyarakat tempatan.
 - (v) Menghapuskan tokoh tempatan yang menentang kedudukannya.
 - (vi) Memperkukuhkan pertahanan Sarawak dengan mendirikan benteng dan kubu yang dilengkapi dengan meriam di kawasan yang strategik.
 - (vii) Mendapatkan sokongan kewangan daripada pemodal Eropah.
 - (c) (i) Negara menjadi aman damai.
 - (ii) Tidak dapat diambil kesempatan oleh kuasa luar.
 - (iii) Ekonomi berkembang pesat.
 - (iv) Rakyat hidup sejahtera.
 - (v) Institusi raja / kedaulatan negara terjamin.
 - (vi) Perpaduan rakyat erat.
- (*Mana-mana jawapan yang munasabah*)

Bab 6

1. (a) (i) Kapal korek
 - (ii) Perlombongan hidroliik
 - (iii) Perlombongan bawah tanah
 - (b) (i) Pengenalan ekonomi moden yang berorientasikan eksport.
 - (ii) Galakan kerajaan British untuk pengeluaran secara skala besar.
 - (iii) Penggunaan teknologi moden seperti kapal korek.
 - (iv) Tenaga buruh dibawa dari negara China / mencukupi.
 - (c) (i) Menggalakkan R&D / penyelidikan.
 - (ii) Menggalakkan industri pengeluaran.
 - (iii) Menyediakan khidmat nasihat kepada rakyat yang berminat.
 - (iv) Memantapkan sistem pendidikan.
 - (v) Mempelbagaikan hasil pengeluaran.
 - (vi) Memanfaatkan kekayaan hasil bumi negara.
- (*Mana-mana jawapan yang munasabah*)

Bab 7

1. (a) (i) Tok Janggut menentang kekerasan pentadbiran Ketua Jajahan Pasir Puteh, Encik Abdul Latiff.
- (ii) Menentang peraturan cukai 1915 yang mewajibkan petani membayar cukai tanah.

- (iii) Beliau bersemangat jihad menentang penjajah British.
- (b) (i) Mengadakan mesyuarat di Kampung Tok Akib pada 29 April 1915 untuk memboikot pengenalan cukai baharu.
- (ii) Beliau merancang untuk menyerang Pasir Puteh.
- (iii) Mendapat sokongan Haji Said, Penghulu Adam dan Che Ishak Merbol.
- (c) (i) Membina tugu peringatan.
- (ii) Menghasilkan karya tentang sejarah / riwayat hidup beliau.
- (iii) Menganjurkan sayembara tentang pejuang-pejuang tanah air.
- (iv) Mengadakan pameran sejarah.
- (v) Memastikan generasi muda mempelajari sejarah penentangan.

(*Mana-mana jawapan yang munasabah*)

Bab 8

1. (a) (i) Sempadan Negeri-negeri Melayu Utara dengan Siam ditentukan berasaskan legeh dan lembah sungai.
- (ii) Sempadan Negeri-negeri Melayu Utara dengan Siam bermula dari utara muara Sungai Perlis di sebelah barat.
- (iii) Sempadan berakhir di muara Kuala Tabal di sebelah timur.
- (iv) Pulau Langkawi dan pulau-pulau di bahagian selatan menjadi milik British.
- (v) Pulau Terutau dan pulau-pulau di bahagian utara menjadi milik Siam.
- (b) (i) Sultan Abdul Hamid Halim Shah berasa tersinggung kerana tidak dibawa berunding.
- (ii) Kedah kehilangan wilayah Sadao, Setul, Pulau Terutau, Butang dan pulau-pulau sekitarnya kepada Siam.
- (iii) Sultan Kedah menegaskan sempadan baharu di antara Kedah dan Siam harus ditentukan mengikut kriteria sempadan yang sedia ada.
- (iv) Baginda menyatakan tidak akan memaafkan pihak yang menjual negeri Kedah seperti menjual seekor lembu.
- (c) (i) Sultan Kedah wajar diajak berunding kerana protokol melibatkan negeri baginda.
- (ii) Terdapat rakyat baginda di wilayah-wilayah yang diserahkan kepada Siam.
- (iii) Masa depan dan kepentingan penduduk di wilayah yang diserahkan kepada Siam adalah tanggungjawab baginda sultan Kedah.
- (iv) Penentuan sempadan baharu hendaklah dilakukan secara adil.
- (v) Pihak yang menggadaikan kedaulatan negeri mesti dihukum.

(*Mana-mana jawapan yang munasabah*)